



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

52,410 WANITA BERJAYA DIBANTU MELALUI INISIATIF PROGRAM WANITA BANGKIT@KPWKM

KUALA LUMPUR, 13 September – YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara (YKN) hari ini telah merasmikan Program Keusahawanan Wanita Bangkit@KPWKM yang merupakan salah satu inisiatif di bawah **Program Wanita Bangkit@KWPKM**. Program pada hari ini telah disertai oleh 1,000 peserta wanita yang mendapat manfaat melalui perkongsian tips dan pengalaman oleh usahawan berjaya serta pameran perkhidmatan agensi di bawah KPWKM.

Menerusi program Program Wanita Bangkit@KPWKM, **52,410** peserta wanita telah dibantu untuk menjana pendapatan melalui peluang keusahawanan, menceburi bidang perniagaan secara kecil-kecilan di dalam sektor informal dan juga mendapat tawaran pekerjaan dalam sektor formal. Sebahagian daripada jumlah tersebut, seramai **11,119** peserta MyKasih Kapital YKN telah menjalani kursus-kursus keusahawanan dan bimbingan permulaan perniagaan melalui kolaborasi strategik bersama pelbagai jabatan, agensi dan syarikat korporat.

Kursus bimbingan ini adalah persediaan asas bagi mereka untuk mempersiapkan diri untuk mereka menceburi bidang keusahawanan. Peserta MyKasih Kapital akan dinilai, dipantau dan akan mengikuti kursus-kursus bersesuaian sebelum menceburi bidang perniagaan.

Inisiatif MyKasih Kapital diterajui oleh KPWKM melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) yang menyediakan suntikan modal perniagaan dalam bentuk tunai dan juga latihan berbentuk pembangunan sendiri yang berkaitan. Kumpulan sasar yang dibantu adalah terdiri daripada wanita dalam kalangan B40 untuk meningkatkan sumber pendapatan dan taraf ekonomi mereka.

Pada program kali ini, KPWKM menerusi Yayasan Kebajikan Negara (YKN) bekerjasama dengan Rakan Strategik YKN iaitu Usanita Sdn. Bhd. yang menampilkan Datuk Rosyam Nor, Duta Perintis Usanita dan perintis usahawan berjaya untuk berkongsi pengalaman kepada para peserta yang hadir. Inisiatif ini merupakan usaha berterusan Kerajaan bagi memartabatkan golongan wanita dalam aspek sosio-ekonomi. Pihak NGO dan syarikat serta orang perseorangan adalah amat dialu-alukan untuk melaksanakan program-program bersesuaian untuk manfaat kumpulan sasar khususnya wanita. Adalah diharapkan dengan adanya kerjasama ini, golongan yang terjejas akibat pandemik COVID-19 khususnya wanita dapat dibantu dan secara tidak langsung dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara.

Disediakan oleh:

Yayasan Kebajikan Negara

Aras 8, No. 55, Persiaran Perdana,

Presint 4, 62100 Putrajaya.

03-8323 2420